



CHRIST CHURCH LIKAS

To Know Christ & to Make Him Known
Diocesan Bishop: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais
Suffragan Bishop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin
Rector: Ven. (E) Moses Chin



Contact

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Office: 088-426312, 213220 | Mobile: 019-6611558
<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Epifani 4 - 1 Februari 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau yang membaharui segala sesuatu di dalam Kristus. Ubahlah kemiskinan sifat kami dengan kekayaan anugerah-Mu, dan dalam pembaharuan hidup kami menyatakan kemuliaan-Mu yang syurgawi, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 9:1-12

Bacaan Responsif - Mazmur 36:5-10



**YOHANES 9:25 - AKU TADINYA BUTA
DAN SEKARANG DAPAT MELIHAT**

Adakah anda ingin melihat Allah berkarya? Berdoalah.

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. MULAKAN DENGAN DOA

- 9:30 pagi – Persekutuan Doa CH, Pavilion
- 11:30 pagi – Persekutuan Doa EN, Dewan Alpha
- 7:30 malam – ‘Malam Doa-Puji-Sembah’, gereja

Kita belajar tumbuh bersama melalui doa bersama. Setiap kumpulan pelayanan akan mengongsikan keperluan doa mereka untuk bulan ini, dan yang lain akan menyokong serta mendoakan. Masa persekutuan doa dijangka selesai lebih kurang satu jam.

2. YANG BARU TELAH DATANG - KHUTBAH BERDASARKAN INJIL YOHANES

Kita meneruskan siri khotbah: ‘Yang Baru Telah Datang’:

- **1 Feb: “Penglihatan Baru” – orang buta di kolam; Yohanes 9**
- 8 Feb: “Penghiburan Baru” – gembala di padang; Yohanes 10
- 15 Feb: “Hidup Baru” – orang mati di kubur; Yohanes 11
- 5 minggu Musim Puasa: “Realiti Baru” – ajaran-ajaran di Bilik Atas; Yohanes 13–17
- Minggu Suci & Paskah: “Hidup Baru” – peristiwa-peristiwa di taman; selebihnya Injil Yohanes

3. TAHNIAH

Ucapan tahniah setulus hati kepada Rev. Andriano Bronio yang telah ditahbiskan pada Isnin, 26 Jan. Beliau kini melayani sebagai diaken dalam Gereja Anglikan. Retret dan Konferensi Paderi & Pastor berjalan dengan lancar. Terima kasih atas doa anda semua.

4. BERITA PROVINSI

- Hari ini adalah Hari Provinsi. Kita berdoa untuk Provinsi Asia Tenggara – 9 negara, 4 diosis, melayani 450 juta orang. Kita juga memberi sumbangan untuk misi provinsi ini. Sila berikan dengan murah hati; bagi yang memberi secara dalam talian, nyatakan “Province” apabila maklumat diminta.
- Bermula esok, Sinod Provinsi akan bersidang di Kuala Lumpur. Ps. Margaret Chong merupakan anggota Sinod tersebut.
- Jumaat, 6 Feb – Kebaktian Kesyukuran sempena ulang tahun ke-30 penubuhan Provinsi, berserta Pelantikan Bisyp ke-6 Diosis Malaysia Barat, iaitu Bisyp Stephen Soe.
- Surat daripada Uskup Agung boleh dirujuk dalam buletin ini (salinan digital) atau melalui imbasan. QR.



5. PERJUMPAAN PEMURIDAN DISAMBUNG SEMULA

Aktiviti-aktiviti gereja kita bertujuan untuk saling menolong agar kita menjadi pengikut Yesus yang lebih setia:

- 6 Feb, Jumaat, 7:30 mlm – Muda-mudi BM “SOMA”
- 7 Feb, Sabtu
 - 6:00 ptg – Muda-mudi CH “BREAKTHRU”
 - 7:00 mlm – Muda-mudi EN “FAITH”
- 8 Feb, , Ahad, 2:30 ptg – Sel Kanak-kanak CH

Sementara itu,

- 6 Feb, Jumaat ini, 7:30 mlm – Mesyuarat Pemimpin Awam EN
- 8 Feb, Ahad hadapan, 1:00 ptg – Mesyuarat Pemimpin Awam BM

6. 'PROJEK LABUR'

Puji Tuhan. BOMBA telah mengeluarkan surat yang menyatakan sokongan penuh bagi pengeluaran Sijil Menduduki (*Certificate of Occupation*). Marilah kita terus berdoa agar kelulusan segera diberikan oleh pihak Majlis Bandaraya, DBKK. Dana pembinaan kini berjumlah RM1.18 juta. Kita memerlukan RM1.20 juta. Terima kasih atas sokongan kuat anda semua.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 5 Feb, Khamis ini, 10:00 pagi – **Pelayanan CCL di ARK**. Sambutan Tahun Baharu bersama warga emas. Sila maklumkan kepada staf gereja sekiranya anda ingin menyertai pelayanan ini.
- 7 Feb, Sabtu – **Evergreens**; Dewan Omega, 9:30 pagi.
- 9 Feb - **Persekutuan Doa Zoom Diosis**, disiarkan secara langsung dari CCL.
- 17 Feb - **Kebaktian Kesyukuran Tahun Baharu Cina**, 8:00 pagi.
- 18 Feb - **Kebaktian Rabu Abu**, 7:30 malam.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Kong Set Moi.

8. PUSAT JAGAAN HARIAN WARGA EMAS ARK

Kekosongan Jawatan – Dua (2) orang staf diperlukan untuk membantu di bahagian *day-care*. Jika berminat, sila hubungi Warden, Rev. Clarence Chin (hp: 014-383 5622). Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam penjagaan atau kejururawatan warga emas, serta mampu berkomunikasi dengan baik dan selesa bersama para warga emas. Sila kemukakan permohonan sebelum 15 Feb 2026.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Pelan Bacaan Alkitab Mingguan	Is, Feb 2	KIS 6	Mz 29	Jum, Feb 6	KIS 10	Mz 33
	Sel, Feb 3	KIS 7	Mz 30	Sab, Feb 7	KIS 11	Mz 34
	Rab, Feb 4	KIS 8	Mz 31	Ahad, Feb 8	KIS 12	Mz 35
	Kha, Feb 5	KIS 9	Mz 32			

Beberapa peluang pelayan :

- Kanak-kanak
- Muda-mudi
- Belia
- Kelompok sel dewasa
- Warga emas
- Pujian - koir, pasukan pujian
- Pendoa syafaat
- Pendoa
- Pelayan media
- PA - bunyi & cahaya komunikasi
- Pelayan penjagaan rohani
- Misi
- Kebajikan
- Sukan
- Kerja landskap

- dan apa-apa pelayan lain yang mungkin Tuhan taruh di hati anda. Berdoalah mengenainya. Bincanglah dengan para paderi, pastor, dan pemimpin gereja kita. Bersama-sama, kita saling mendorong untuk taat kepada pimpinan-Nya.

UNTUK DIDOAKAN

Provinsi yang Kita Kasih

- Bersyukur atas 30 tahun pelayan misi yang telah berlalu; berdoa agar komitmen dan semangat baru muncul untuk menjangkau jutaan jiwa yang perlu mengalami kasih Allah dalam Yesus Kristus. Berdoalah bagi Archbisyop Titus, Bisyop Stephen Abbarow, Bisyop Stephen Soe, Bisyop Donald Jute, dan Bisyop Melter Tais.

Diosis Kita yang Tercinta

- Bersyukur atas penahbisan 11 diaken dan paderi. Berdoalah bagi Rev. Andriano Bronio.

Diri kita sendiri

- Berdoalah agar kita terus bertumbuh dalam pemahaman akan karya Allah dalam hidup kita dan dalam hidup orang lain; agar segala sesuatu yang kita lakukan membawa kemuliaan bagi-Nya.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes dan Sister Margaret Yong.



The Province of the
Anglican Church in
South East Asia



Berpegang Teguh pada Iman

Risalah Provinsi
1st Februari 2026

DIOCESE OF KUCHING (Sarawak & Brunei Darussalam)



Diocesan Bishop: The Rt Revd Datuk Danald Jute
Suffragan Bishop: The Rt Revd Andrew Shie

KESYUKURAN & BAHAN DOA PUJIAN

- Untuk kesetiaan dan rahmat Tuhan semasa kami menyelesaikan separuh pertama Dekad Pemuridan Diosis kami (2021-2030); untuk kesedaran yang lebih mendalam tentang siapa kami sebagai murid, dengan lebih banyak terlibat dalam pelbagai pelayanan, termasuklah pelayanan kanak-kanak, belia, wanita, lelaki, dan dalam pembacaan & pembelajaran Alkitab, persekutuan doa & ibadah serta kerja-kerja misi yang lain.
- Untuk Pentahbisan 9 orang menjadi diakon dan 7 orang menjadi paderi pada bulan Mac; kami bersyukur kepada Tuhan untuk setiap seorang daripada mereka dan keluarga mereka.
- Untuk pengembangan pekerjaan misi dan penginjilan dan peningkatan dalam keterlibatan anggota, dengan pengangkatan satu paroki baru, satu daerah misi dan pembukaan pusat misi baru di Kapit dan Mukah.
- Untuk pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan dan dijalankan untuk terus melatih dan memperlengkapkan para pemimpin—awam dan mereka yang telah ditahbiskan—baik di peringkat paroki dan Diosis, khususnya untuk Seminar Kebangsaan Haggai untuk para paderi.
- Untuk siapnya bangunan gereja dan gereja kecil baru serta pengubahsuaian sekolah dan menaikkan taraf kemudahan.
- Konvensyen Profesionalisme untuk Ketua-ketua sekolah dan Jawatankuasa Pengurusan, dan kejayaan dalam meletakkan kembali simbol Kristian di sekolah kami.

BAHAN DOA SYAFAAT

- Untuk lebih banyak menawarkan diri mereka kepada pelayanan - baik ditahbiskan mahupun awam - agar kami dapat melaksanakan tugas yang Tuhan berikan untuk kami dengan berkesan—iaitu Amanat dan Perintah Agung.
- Teruskan berdoa untuk Dekad Pemuridan Diosis kami agar kami dapat bertumbuh kuat dalam Firman dan dalam doa dalam pada kami berusaha untuk melayani Tuhan dan masyarakat di sekeliling kami.
- Untuk Diocesan Way Forward kami, terutamanya untuk kejelasan dan sumber semasa kami mempertimbangkan pelaksanaan kawasan-kawasan episkopal kami.
- Untuk pelbagai program latihan & perlengkapan - termasuk untuk pelayanan Kanak-Kanak, Belia, Wanita, Lelaki dan Pelayanan Warga Emas.
- Berdoa untuk sokongan untuk projek Diosis yang sedang berjalan - Tadika baharu, Pusat Kebaktian Belia dan Kolumbarium - serta untuk kerja-kerja misi di dalam Diosis dan yang melangkauinya.
- Berdoa untuk jemaah dan komuniti luar bandar kami yang oleh kerana jarak yang jauh tidak dilayani dengan kerap.

DIOCESE OF SABAH

Diocesan Bishop: The Rt Revd Datuk Melter Jiki Bin Tais

Suffragan Bishop: The Rt Revd John Yeo & The Rt Revd Kenneth Thien



UCAPAN SYUKUR

- Kami bersyukur atas perasmian bersejarah tiga Diosis Kawasan dalam Diosis Sabah pada 25 Mei 2025:
 - Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah (ADOS Timur)
 - Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah (ADOS Selatan)
 - Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah (ADOS Barat)Ini merupakan detik penting yang penuh pengharapan terhadap apa yang akan Tuhan lakukan melalui Gereja-Nya.
- Kami bersyukur kepada Tuhan atas penubuhan empat Daerah Misi baharu dan pentahbisan lima gereja baharu pada tahun 2025:
 - 22 di ADOS Timur
 - 2 di ADOS Selatan
 - 1 di ADOS Barat
- Kami memuji Tuhan atas akreditasi program Sarjana Diniviti (M.Div) di Institut Latihan Anglikan (ATI) oleh Persatuan Teologi Asia (ATA), serta pengiktirafan semula bagi program Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Teologi.
- Kami bersyukur atas pentahbisan 9 paderi dan 3 diakon, serta pelesenan 3 pastor pada tahun 2025. Kami bersyukur kepada Tuhan kerana terus membangkitkan saudara dan saudari yang setia untuk melayani dalam Kerajaan-Nya.
- Pembentukan Diosis Diosis Kawasan telah membawa kepada penyertaan yang sangat menggalakkan dalam acara-acara ADOS. Kami memuji Tuhan atas penglibatan yang semakin meningkat dalam kalangan jemaat serta rasa pemilikan yang lebih mendalam terhadap pelayanan Gereja.

PERKARA PERKARA DOA

- Doakan agar semua Diosis Kawasan menerima visi Diosis iaitu “1-1-3”: Setiap gereja menanam 1 jemaat baharu dalam tempoh 3 tahun sama ada dalam gereja sedia ada atau di kawasan baharu. Kami bersyukur atas penerimaan awal yang sihat dan berdoa agar seluruh Diosis turut serta.
- Walaupun Diosis Kawasan meningkatkan mobilisasi tempatan dan keberkesanan pelayanan, doakan agar kesatuan dalam nilai dan visi bersama tetap terpelihara. Doakan Bishop Melter, Bishop Suffragan John dan Kenneth, agar mereka memimpin menurut kehendak dan tujuan Tuhan.
- Dengan peningkatan infrastruktur dan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, doakan agar Diosis dan ADOS bersedia secara strategik untuk menghadapi perubahan landskap sosial dan urbanisasi yang pesat.
- Doakan ATI dalam perancangannya untuk menawarkan program M.Div dalam Bahasa Melayu dan Cina. Mohon doa agar Tuhan menyediakan tenaga pengajar dan staf akademik yang mencukupi.
- Seiring dengan pertambahan peluang pelayanan, keperluan untuk sumber kewangan dan tenaga kerja juga meningkat. Doakan agar Tuhan mencukupkan keperluan untuk:
 - Membina gereja baharu
 - Membina kampus ATI
 - Mengurus hartanah Diosis untuk penjana pendapatan yang mampan

DIOCESE OF WEST MALAYSIA

Diocesan Bishop: The Rt Revd Dr D Steven Abbarow

Suffragan Bishop: The Rt Revd Dr Stephen Soe Chee Cheng



UCAPAN SYUKUR DAN PUJIAN

- Kita mengucapkan syukur untuk para paderi dan pemimpin awam kita. Semoga Tuhan tetap memimpin mereka agar tetap fokus dan bersemangat dalam menyemarakkan semula misi dan pelayanan Diosis di bawah tema 2025-2030 kita, “Lihat, Aku Menjadikan Semua Baru!”
- Kita memuji Tuhan untuk pelancaran Wisma Anglikan dengan jayanya pada 8hb April 2025 yang digabung dengan Ulang Tahun ke 55 Diosis Malaysia Malaysia Barat. Kedua-duanya mewakili sejarah penting untuk Diosis kita. Semoga pusat baru ini terus berdiri sebagai satu simbol kesatuan, pelayanan, Persekutuan dan kesaksian di Tengah-tengah kota.
- Kita bersukur kepada Tuhan untuk telah yang membuka jalan untuk Diosis kita untuk menanam gereja Prince of Peace di Putrajaya. Semoga ia bersinar sebagai menara api bagi Injil di pusat pentabiran negara.
- Kita memuji Tuhan untuk Konferensi Doa, Penyembuhan dan Pembebasan Kebangsaan yang pertama kali yang akan diadakan di Wisma Anglikan dalam bulan November 2025. Kita bersyukur kepada Tuhan yang membangkitkan ramai orang untuk melayani dalam pelayanan yang penting ini – Menguatkan Kumpulan para paderi, deaconess, dan gembala di seluruh Diosis.
- Kita bersyukur kepada Tuhan pelayanan setia oleh Rt. Rev. Dr. D Steven Abbarow, Bishop kita yang ke 5. Melalui anugerah Tuhan, dia telah memimpin Diosis dengan bijaksana melalui cabaran COVID-19 mahu pun isu-isu peribadi. Kita mengucapkan syukur kepada Tuhan yang telah menyembuhkannya. Kita terus berdoa untuk berkat Tuhan, kekuatan, dan anugerah penyembuhan ke atas Bishop Steven.
- Kita bersukacita dan mengucapkan syukur untuk pemilihan Rev. Dr. Stephen Soe sebagai Bishop Diosis yang ke 6 untuk Diosis Malaysia Barat. Kita memuji Tuhan untuk pencalonan dan pemilihan yang telah berjalan lancar dan dipimpin oleh Roh Kudus, dan yang telah menyatakan hamba-Nya yang Dia telah pilih.
- Kita bersyukur kepada Tuhan untuk mereka yang menghirau panggilan Tuhan; terutama kita mengingati 4 Paderi, 10 Diakon dan Diokoni, yang telah ditahbis, diutus dan dilesenkan pada 28hb Oktober 2025 di Gereja St. Mark, Seremban. Kita terus memberi sokongan doa untuk setiap diri mereka dalam mengambil tugas baru dan pelayanan.
- Kita memberi pujian dan pengucapan syukur kepada Tuhan untuk penanaman gereja baru di Nepal, yang bernama New Horizon Anglikan Church di Damak, dan jangkauan luar Sharon Bible School di Belbari, Morang; dan untuk kebaktian dedikasi dan pengesahan yang akan diadakan di sana dalam bulan Disember 2025.

DOA SYAFAAT

- Berdoa untuk semua paderi, diakoni, Majlis Gereja, jawatankuasa diosis dan ahli-ahli lembaga akan setia bekerja sama terhadap pertumbuhan dalam pemuridan, kepimpinan yang saleh, dan penanaman gereja baru. Semoga mereka dikuatkan dengan janji bahawa “mereka yang menabur dengan mencururkan airmata akan menuai dengan sorak sukacita” (Mazmur 126:5).
- Berdoa agar Tuhan akan terus menguatkan Bisyp Steven dalam dia menyelesaikan keuskupannya dengan cemerlang. Semoga Tuhan memberkati isterinya, Anne, anak-anak mereka, dan cucu-cucu mereka dengan anugerah-Nya, kesihatan yang baik, dan damai.

DOA SYAFAAT (Teruskan)

- Berdoa agar Tuhan akan memberikan Bishop Stephen Soe hikmat, semangat, dan bala kasihan dalam melangkah ke tugas barunya. Berdoa untuk isterinya, See Lang, dan anak-anak mereka – agar Tuhan menguatkan mereka dengan sukacita, dan kesatuan. Semoga Diosis akan bertumbuh dalam iman, kasih, dan keberanian dalam memproklamasikan Kristus kepada bangsa-bangsa.
- Berdoa agar Tuhan akan terus membuka pintu-pintu untuk pelayanan di antara Orang Asal dan masyarakat lain yang belum dijangkau di seluruh Malaysia.
- Berdoa untuk lebih ramai lagi anggota-anggota orang awam agar bangkit terlibat dalam misi, penginjilan, penyembuhan, pembebasan, pelayanan kampus, dan penanaman gereja. Semoga minda Kerajaan dimenangkan, dan melalui kuasa Roh Kudus, semoga Diosis terus melengkapi orang-orang kudus untuk setiap perbuatan baik – menyokong paderi dan diakoni di paroki mereka.
- Berdoa untuk kesatuan dan kerjasama dalam Provinsi Asia Tenggara, terutama di mana kami menghadapi ekonomi dan cabaran-cabaran eklesiyang merentasi wilayah. Semoga kami berdiri teguh dalam iman dan kebenaran.
- Gereja Prince of Peace, Putrajaya: Berdoa Agar gereja akan dibuka seperti mana yang telah dirancang, awal 2026 dan agar anggota-anggota pengasas akan setia dan bertumbuh dalam pelayanan.
- Gereja St. Stephen, Elmina: Berdoa untuk kelancaran dan tak terhinder kemajuan pembinaan.
- Tanah RIBI di Gamuda Cove dan Rimbayu: Berdoa untuk kelulusan tepat pada masanya dari kerajaan dan penderma-penderma yang murah hati untuk menyokong pembangunan gereja-gereja baru ini.

DIOCESE OF SINGAPORE

Diocesan Bishop: The Most Revd Dr Titus Chung Khiam Boon
Assistant Bishop: The Rt Revd Low Jee King



KESYUKURAN & PUJIAN

- Pembentukan dekanari Timor-Leste, penambahan terbaru kepada 6-deanari sedia ada di bawah Keuskupan Singapura.
- Dekan Nepal pertama untuk Dekan Nepal dalam Revd Prem Tamang dan Timbalan Dekan Indonesia untuk Dekaneri Indonesia dalam Revd Stevanus Mudjianto.
- Kejayaan program VOCARE yang membantu orang awam memahami panggilan mereka untuk berkhidmat sepenuh masa.
- Kami bersyukur kepada Tuhan atas keistimewaan melayani keperluan perubatan, psikososial, rohani dan keperluan khas lebih 50,000 orang dalam 46 unit perkhidmatan setiap tahun, dan melihat ramai daripada mereka bertindak balas terhadap Injil atas kehendak mereka sendiri.
- Meningkatkan kesedaran tentang kewujudan dan peranan SPH sebagai Badan Latihan Keuskupan dengan jerayawara yang berjaya di paroki yang berbeza.
- Untuk semua paderi kami yang baru ditahbiskan pada 2025- 4 diakon yang baru ditahbiskan dan 7 imam dari Singapura, Indonesia, dan Kemboja dan Nepal.

PERKARA DOA UNTUK

- Untuk pertumbuhan dan perkembangan dekanari baru (Timor-Leste)
- Membangkitkan pemimpin yang berkualiti untuk berkhidmat di Keuskupan
- Kesihatan paderi kita terutamanya paderi tua dan pesara serta keluarga mereka
- Agar paroki tempatan menjadi lebih berkesan dalam menjangkau dalam penginjilan dan pemuridan

PERUTUSAN ARCHBISHOP 2026

Saudara-saudari yang terkasih dalam Kristus,

Ahli falsafah Yunani, Heraclitus, pernah menulis bahawa, “tiada sesuatu yang kekal selain perubahan.” Pada hari ini, kita mendapati diri kita hidup di tengah-tengah pusaran perubahan yang dahsyat, seolah-olah berada di pusat ribut taufan, ketika masa depan kelihatan tidak menentu. Daripada perubahan pakatan global kepada arus perubahan budaya, daripada ketegangan geopolitik kepada revolusi perindustrian baharu, segala sesuatu yang dahulu menjadi sumber keselesaan dan keselamatan kita kini seakan-akan bergoncang dan bergetar. Persekutuan Anglikan juga tidak terlepas daripada gegaran ini, khususnya dengan pemilihan kontroversi Archbishop Canterbury yang baharu.

Namun, justeru pada masa seperti inilah kesaksian Gereja yang sejati amat diperlukan. Lebih daripada sebelumnya, terang Gereja perlu bersinar seperti kota di atas bukit, untuk menunjukkan jalan yang lebih baik kepada dunia yang sesat. Pada saat malam paling gelap, sinar pengharapan paling diperlukan. Lebih daripada sekadar menghadapi kesukaran besar, kekeliruan ini sebenarnya merupakan peluang besar bagi Injil untuk diberitakan dengan jelas dari menara setiap gereja yang setia. Namun, pemberitaan Injil yang sejati tidak dapat dilakukan dengan kata-kata semata-mata. Ia harus disampaikan dengan “*penyataan Roh dan kuasa*” (1 Korintus 2:4). Ia mesti menang, bukan melalui kekerasan dan paksaan, tetapi melalui kasih yang radikal yang ditunjukkan, serta kesetiaan yang dihidupi.

Kita diingatkan akan firman nabi Yesaya kepada Raja Ahas yang tertekan, ketika dia tertekan berhadapan dengan ancaman dari segala penjuru dan tergoda untuk bergantung kepada kebijaksanaan serta rancangan sendiri:

“Jika kamu tidak sungguh-sungguh percaya kepada-Ku, pasti kamu akan jatuh.”
(Yesaya 7:9 BM)

Inilah masanya untuk kesaksian yang lahir daripada iman yang teguh dan tidak berkompromi, yang berpaut dalam iman sejarah kita. Keinginan kita untuk bersinar mesti berdasarkan atas kerinduan kita kepada Sumber dan mata air kekuatan kita, iaitu Tuhan sendiri dan Firman-Nya.

Ungkapan Latin *ad fontes* yang menandai seruan Reformasi Protestan untuk kembali kepada sumber, seperti rusa yang merindukan mata air, tetap relevan hari ini sebagaimana 500 tahun yang lalu.

Kiranya kita didapati setia dalam misi kita, dengan (kata pepatah) pedang di satu tangan dan tongkat di tangan yang lain (Nehemia 4:17), dan setelah melakukan segala sesuatu, tetap berdiri teguh dalam iman (Efesus 6:13).

The Most Revd Dr Titus Chung Khiam Boon
Primate of the Province of the Anglican Church in South East Asia
Bishop of Singapore